



NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF KEDAH DARUL AMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 61
No. 20

4hb Oktober 2018

*TAMBAHAN No. 2
ENAKMEN*

Enakmen ini yang diluluskan di dalam Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman pada 16 Ogos 2018 diisytiharkan untuk pengetahuan am:

The following Enactment passed in the Kedah Darul Aman State Legislative Assembly, on the 16 August 2018 is published for general information:

No.	Tajuk Ringkas/Short Title
Enakmen 28	Enakmen Majlis Perbandaran Kubang Pasu 2018 Kubang Pasu Municipal Council Enactment 2018



UNDANG-UNDANG NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Enakmen 28

ENAKMEN MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU 2018

Tarikh Persetujuan DiRaja 18 September 2018

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* 4 Oktober 2018

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

UNDANG-UNDANG NEGERI KEDAH DARUL AMAN**Enakmen 28****ENAKMEN MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU 2018**

SUSUNAN FASAL

Fasal

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Perubahan gelaran
3. Mengecualikan hak dan kewajipan Yang Dipertua dan mana-mana orang lain
4. Pindaan gelaran

UNDANG-UNDANG NEGERI KEDAH DARUL AMAN**Enakmen 28****ENAKMEN MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU 2018**

BETA SETUJU,

(MOHOR KERAJAAN)

SULTAN SALLEHUDDIN IBNI
ALMARHUM SULTAN BADLISHAH
Sultan Negeri Kedah Darul Aman

8 Muharam 1440
18 September 2018

Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi menukar gelaran dan perkara-perkara lain yang berbangkit dari pengurniaan taraf Perbandaran kepada Majlis Daerah Kubang Pasu.

[]

DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI oleh Majlis Undangan Negeri Kedah seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Majlis Perbandaran Kubang Pasu 2018.

(2) Enakmen ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Perubahan gelaran

2. Perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] dan digelar “Majlis Daerah Kubang Pasu” hendaklah dengan ini digelar sebagai “Majlis Perbandaran Kubang Pasu” atau “the Municipal Council of Kubang Pasu”.

Mengecualikan hak dan kewajipan Yang Dipertua dan mana-mana orang lain

3. (1) Permulaan kuat kuasa Enakmen ini, ia tidaklah menjejaskan hak, kewajipan, kuasa atau keistimewaan Yang Dipertua Majlis Daerah Kubang Pasu atau mana-mana orang lain yang dilantik atau dicalonkan secara sah, mengikut mana yang berkenaan, yang memegang jawatan pada tarikh mula berkuatkuasanya Enakmen ini, yang mana mulai dari tarikh tersebut hendaklah, sebagai Yang Dipertua atau jawatan yang lain, mempunyai dan melaksanakan semua hak, kewajipan, kuasa dan keistimewaan yang dahulunya berkaitan dengan mana-mana jawatan tersebut di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976, sebagaimana yang dipakai kepada Majlis Daerah Kubang Pasu atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain dan mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya atau undang-undang kecil yang terpakai kepada Majlis Daerah Kubang Pasu di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 seolah-olah Enakmen ini tidak lagi diperbuat.

(2) Tiada apa-apa jua pun dalam Enakmen ini boleh menjejaskan kesahihan atau kesan mana-mana tindakan, prosiding, pemindahakan, pemindahan hakmilik, surat ikatan, transaksi, dokumen, bon, perjanjian, perkiraan kerja atau apa-apa tindakan lain yang diambil, dimasuki atau dibuat secara *bona fide* sebelum permulaan kuat kuasa Enakmen ini oleh atau terhadap atau atas nama atau bagi pihak Majlis Daerah Kubang Pasu.

Pindaan gelaran

4. Apabila taraf Majlis Daerah Kubang Pasu diubah kepada Majlis Perbandaran Kubang Pasu, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, segala rujukan dalam tiap-tiap undang-undang bertulis —

- (a) mengenai “Majlis Daerah Kubang Pasu” hendaklah ditafsirkan sebagai rujukan kepada “Majlis Perbandaran Kubang Pasu” atau “the Municipal Council of Kubang Pasu”;
- (b) kepada “Ahli-ahli Majlis” atau “Ahli-ahli Majlis Daerah Kubang Pasu” hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai “Ahli-ahli Majlis Perbandaran Kubang Pasu”;
- (c) mengenai “Ahli-ahli Majlis Daerah Kubang Pasu” (sebagai satu perbadanan) hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai “Ahli-ahli Majlis Perbandaran Kubang Pasu”;
- (d) kepada “Yang Dipertua Majlis Daerah Kubang Pasu” atau mengenai “Setiausaha Majlis Daerah Kubang Pasu” hendaklah masing-masing ditafsirkan sebagai sebutan mengenai “Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kubang Pasu” atau “Setiausaha Majlis Perbandaran Kubang Pasu”; dan
- (e) mengenai “Majlis Daerah” atau mengenai “Ahli-Ahli Majlis Daerah” atau mengenai “Ahli-ahli Majlis suatu Daerah” atau mengenai “Yang Dipertua Majlis Daerah” (berkenaan dengan suatu Daerah) hendaklah masing-masingnya ditafsirkan sebagai termasuk sebutan mengenai “Majlis Perbandaran Kubang Pasu”, “Ahli-ahli Majlis Perbandaran Kubang Pasu” atau “Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kubang Pasu”.

Diluluskan di dalam Dewan Undangan Negeri pada 16 Ogos 2018 bersamaan 4 Zulhijjah 1439H.

[() dlm.DN-MM(K) 600-2/9]

Haji Iqbal Bin Ahmad
*Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Kedah Darul Aman*



LAWS OF THE STATE OF KEDAH DARUL AMAN

Enactment 28

KUBANG PASU MUNICIPAL COUNCIL ENACTMENT 2018

Date of Royal Assent 18 September 2018

Date of publication in the *Gazette* 4 October 2018

Publisher's Copyright ©

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system or transmitted in any form or by any means electronic, mechanical, photocopying, recording and/or otherwise without the prior permission of **Percetakan Nasional Malaysia Berhad** (Appointed Printer to the Government of Malaysia).

LAWS OF THE STATE OF KEDAH DARUL AMAN**Enactment 28****KUBANG PASU MUNICIPAL COUNCIL ENACTMENT 2018**

ARRANGEMENT OF CLAUSES

Clause

1. Short title and commencement
2. Change of title
3. Saving of rights and duties of President and other persons
4. Amendment of titles

LAWS OF THE STATE OF KEDAH DARUL AMAN**Enactment 28****KUBANG PASU MUNICIPAL COUNCIL ENACTMENT 2018**

I ASSENT,

(STATE SEAL)

SULTAN SALLEHUDDIN IBNI
ALMARHUM SULTAN BADLISHAH
Sultan of Kedah Darul Aman

18 September 2018
8 Muharam 1440

An Enactment to make provisions for changes in title and other matters consequential on the conferment of the status of a Municipality on the Kubang Pasu District Council.

[]

ENACTED by the Legislature of Kedah as follows:

Short title and commencement

1. (1) This Enactment may be cited as the Kubang Pasu Municipal Council Enactment 2018.

(2) This Enactment comes into operation on a date to be appointed by the State Authority by notification in the *Gazette*.

Change of title

2. The Corporation established under the Local Government Act 1976 [Act 171] and styled “the District Council of Kubang Pasu” shall hereby be styled as “Majlis Perbandaran Kubang Pasu” or “the Municipal Council of Kubang Pasu”.

Saving of rights and duties of President and other persons

3. (1) The coming into force of this Enactment shall not affect rights, duties, powers and privileges of the President of the District Council of Kubang Pasu or any other persons lawfully appointed or nominated, as the case may be, at the date of the coming into operation of this Enactment holding office, who, from the said date shall, as President or other offices respectively, have and exercise all the rights, duties, powers and privileges formerly appertaining to any such office under the such Local Government Act 1976, as applied to the District Council of Kubang Pasu or any other written law and by-laws made thereunder or by-laws applied to the District Council of Kubang Pasu under the Local Government Act 1976 as if this Enactment has not been enacted.

(2) Nothing in this Enactment shall affect the validity or effect of any action, proceedings, conveyance, transfer, deed, transaction, document, bond, agreement, working arrangement or any act of any kind *bona fide* taken, entered into or done before the coming into operation of this Enactment by or against or in the name or on behalf of the District Council of Kubang Pasu.

Amendment of titles

4. On the change of the status of the Kubang Pasu District Council to the Municipal Council of Kubang Pasu, unless the context otherwise requires, all references in every written law—

(a) to “the District Council of Kubang Pasu” shall be construed as references to “Majlis Perbandaran Kubang Pasu” or “the Municipal Council of Kubang Pasu”;

- (b) to “Councillors” or to “the Councillors of District Council of Kubang Pasu” shall be construed as references to “the Councillors of the Municipal Council of Kubang Pasu”;
- (c) to “the Councillors of District Council of Kubang Pasu” (as a corporation) shall be construed as references to “the Councillors of Municipal Council of Kubang Pasu”;
- (d) to “the President of District Council of Kubang Pasu” or “the Secretary of the District Council of Kubang Pasu” shall be construed as references to “the President of Municipal Council of Kubang Pasu” or “the Secretary of Municipal Council of Kubang Pasu” respectively; and
- (e) to a “a District Council” or “District Councillors” or to “the Councillors of District” or to “the President of the Councillors” (in relation to a District) shall be construed as references to “the Municipal Council of Kubang Pasu”, “the Councillors of Municipal Council of Kubang Pasu” or “the President of Municipal Council of Kubang Pasu” respectively.

Passed in the State Legislative Assembly this 16 August 2018 corresponding to the 4 Zulhijjah 1439H.

[() dlm.DN-MM(K) 600-2/9]

HAJI IQBAL BIN AHMAD
*Secretary of the State Legislative Assembly
Kedah Darul Aman*

